

22 NOV 1999

# Pembangking 'cakap tidak

KUALA LUMPUR 21 Nov. — Peletakan jawatan Timbalan Setiausaha Agung DAP, Abdul Muluk Daud memberi gambaran sebenar politik parti pembangkang yang "cakap tidak serupa bikin".

Setiausaha Agung MCA, Datuk Dr. Ting Chew Peh berkata, Barisan Nasional (BN) tidak terkejut dengan peristiwa yang memberi tamparan hebat kepada DAP itu kerana telah menjangkakan ia akan berlaku.

"Kita tidak terkejut, mulai hari pertama perkongsian kuasa antara Abdul Muluk dan Kit Siang, kita telah tahu ia tidak akan lama," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas keputusan Muluk meletakkan jawatan daripada DAP berkuat kuasa semalam.

Abdul Muluk, 52, turut melepaskan semua jawatan dalam parti itu yang disertainya sejak tahun 1968 termasuk Naib Pengerusi DAP Wilayah Persekutuan dan pengerusi cawangan Seputeh.

Ting yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata, perbezaan matlamat dan ideologi menyebabkan parti pembangkang tidak akan berjaya mencapai cita-cita mereka.

Beliau turut meminjam kata-kata Perdana Menteri,

## serupa bikin' — Ting

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa pakatan pembangkang umpama "tidur sebentar tapi mimpi lain-lain".

Dalam satu surat terbuka kepada Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang kelmarin, Abdul Muluk mendakwa Kit Siang telah mengetepikannya dari menjadi calon Parlimen pada pilihan raya kali ini.

Katanya, tindakan meletakkan jawatan daripada parti itu ekoran prinsip yang dipertahankan selama ini iaitu pemimpin Melayu bukanlah pemimpin kelas dua dalam parti yang hanya layak bertanding untuk kerusi Dewan Undangan Negeri.

Sementara itu Ting turut ditanya mengenai kenyataan parti pembangkang yang tidak berpuas hati dengan tindakan BN menggunakan gambar rusuhan dalam iklan bagi kempen pilihan raya.

Menurut beliau, gambar tersebut adalah hakikat sebenar apa yang dilakukan oleh pakatan pembangkang dan bukannya direka-reka oleh BN.

"Itulah yang sebenarnya berlaku dan membuktikan tingkah laku pembangkang. Adakah kita boleh pastikan perkara itu tidak akan berlaku lagi jika mereka memerintah?" soalnya.